

# CABARAN DAN STRATEGI PROJEK REBEN KUNING BAGI BEKAS PENAGIH DADAH

*Mobammad Shamil Mohd Shamsbudin dan Khadijah Alavi*

Projek Reben Kuning diperkenalkan untuk memberi peluang kepada golongan belia yang pernah terlibat dengan dadah dan jenayah untuk mendapat latihan dan pekerjaan. Hampir 90% banduan yang dibebaskan daripada penjara Kajang setiap minggu meneruskan kehidupan sebagai gelandangan akibat disisihkan oleh keluarga dan komuniti (UPM, 2019). Bilangan majikan mengambil pekerjanya yang merupakan bekas penagih dadah adalah sangat rendah. Hal ini kerana, stigma dan juga pandangan masyarakat pada hari ini yang berpendapat bahawa apabila seseorang individu itu terjebak dengan najis dadah, mereka tidak mempunyai peluang untuk menemui jalan pulang yang cerah sebaliknya berakhir dengan sakit jiwa ataupun kematian. Dalam sektor perkhidmatan awam, pengambilan pekerja yang merupakan bekas penagih dadah adalah tidak digalakkan. Pengambilan hanya dibuat sekiranya majikan tidak mengetahui status pekerja tersebut.

Bekas penagih dadah yang tidak mempunyai pekerjaan mudah mengalami tekanan yang akan mendorong mereka untuk mengambil semula najis dadah bagi menghilangkan tekanan kehidupan mereka. Sehubungan itu, bab ini membincangkan perihal isu dan cabaran yang dilalui majikan dalam Projek Reben Kuning serta strategi untuk membolehkan penagih dadah berfungsi dengan baik dalam alam pekerjaan. Kajian dilaksanakan melalui temu bual terhadap lima orang informan melalui perjumpaan di agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang mempunyai majikan yang bekerja dalam tiga sektor utama iaitu sektor kerajaan (Informan A, Informan D & Informan E), sektor kemahiran (Informan B) dan sektor buruh (Informan C) serta tiga orang bekas penagih dadah yang telah mempunyai pekerjaan tetap (Informan G, Informan H & Informan I).

## ISU DAN CABARAN BEKAS PENAGIH DADAH DALAM PEKERJAAN

### Penagihan Berulang

Penagihan berulang (*relapse*) merujuk kepada penagihan semula dadah yang mungkin disebabkan oleh beberapa faktor pendorong iaitu kurang keyakinan diri, tiada pekerjaan dan tekanan daripada pandangan masyarakat. Menurut kajian lepas Fauziah Ibrahim (2012) yang bertajuk ‘penagih dadah dan berisiko tinggi kembali *relapse*’, mengenal pasti tahap kecenderungan penagihan daripada aspek ‘situasi berisiko tinggi *relapse*’ seperti emosi negatif, tekanan sosial dan konflik interpersonal bermanfaat dalam penyediaan input asas kepada kaunselor dadah, ahli psikologi, pekerja sosial serta para penggubal dasar yang kini berhadapan dengan cabaran dalam pemulihan penagih.

Semasa temu bual dijalankan, kebanyakan informan iaitu majikan sukar untuk mengambil pekerja yang merupakan bekas penagih dadah dan sangat berhati-hati untuk mengambil golongan ini kerana bimbang mereka ini akan bertindak di luar kawalan apabila ketagihan mereka datang kembali. Informan C menyatakan, sukar untuk mengambil pekerja bekas penagih dadah kerana mereka ini sangat sukar untuk dipercayai dan berkemungkinan besar akan menagih semula. Informan D pula menyatakan bahawa beliau boleh mengambil pekerja bekas penagih dadah tetapi perlu lebih berhati-hati dan memerlukan pemantauan semasa bekerja. Informan E turut menyatakan perkara yang sama. Beliau berpendapat, majikan perlu berhati-hati namun dalam masa yang sama memberi kelonggaran kepada bekas penagih dadah ini untuk mereka memulihkan kembali keadaannya. Informan F pula menyatakan bahawa cabaran sebenar majikan mengambil pekerja bekas penagih dadah ialah dikhuatiri *relapse*. Beliau berkata lagi, majikan tidak mempunyai masa yang cukup untuk memantau pergerakan bekas penagih dadah. Majikan hanya berfikir bagaimana mahu memaksimumkan keuntungan sahaja. Hal ini menunjukkan, keempat-empat informan berasa bimbang terhadap risiko penagihan semula dalam kalangan bekas penagih dadah.